

BELAJAR BAHASA SECARA HOLISTIK: APAKAH PANDANGAN MURID ?

Zulkifli Osman

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Korespondensi: 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Pos-el : zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Belajar Bahasa secara Holistik : Apakah pandangan Murid?. Pelbagai pendekatan pengajaran bahasa seperti pendekatan struktural, kod-kognitif, dan komunikatif dilaksanakan di bilik darjah. Pendekatan-pendekatan tersebut mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Pendekatan kod-kognitif mementingkan kemampuan murid menguasai rumus bahasa. Pendekatan komunikatif pula mementingkan proses komunikasi semata-mata. Tujuan kajian ini adalah untuk memperkenalkan pelaksanaan pendekatan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi memastikan murid dapat belajar bahasa secara menyeluruh atau holistik. Bagi mendapatkan data tentang pandangan murid terhadap pelaksanaan pendekatan ini, soal selidik dan temu bual separa struktur dijalankan. Bukti dokumen juga digunakan bagi menyokong data. Seratus dua puluh lima murid dilibatkan dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada tiga kelas Tingkatan Empat (SMA). Soal selidik dan temu bual ini ditadbirkan kepada murid selepas modul pengajaran dijalankan. Dapatkan kajian mendapatkan proses pembelajaran bahasa secara holistik menarik perhatian murid. Pendekatan ini juga dapat meningkatkan motivasi murid dan kemahiran bahasa murid. Implikasi kajian juga turut dibincangkan.

Kata Kunci: *Belajar bahasa, pembelajaran bahasa, pendekatan holistik, modul pengajaran bahasa*

Abstract

Learning Language by Holistic Approach: What Atudent's View". A variety of teaching approaches such as structural approach, code-cognitive, communicative was implemented in the classroom. These approaches have their own specific strength and weakness. The cod-cognitive approach emphasizes on the ability of the students to mastering the language competence. The communicative approach likewise to enhance on the communication process only. The purpose of this study is to introduce the implementation of the holistic approach in teaching of the Malay Language to ensure pupils are able to learn the language as a whole or holistic. In order to obtain the student's views on the implementation of this approach, questionnaire and semi-structured interview was implemented. Document analysis also used in order to support the data. One hundred and twenty five students are involved in this study whose consist of three classes of Form Four (SMA). Questionnaires and interviews were administered to the students after teaching modules run. Results showed that the language process by using the holistic approach is more attractive. This approach is able to increase the student's motivation and language skills. Implications of the study are also discussed

Keywords: *Learning language, language learning, holistic approach, language teaching modules*

PENDAHULUAN

Proses pembelajaran bahasa di peringkat sekolah menengah atas (SMA) melibatkan pelbagai proses berdasarkan aliran atau pegangan yang dijadikan panduan oleh guru bahasa itu sendiri. Antara aliran yang mempengaruhi pendekatan pembelajaran bahasa ialah pendekatan behaviorisme, mentalis, konstruktivisme dan bersepadu. Dalam konteks Malaysia, pengaruh pendekatan ini dalam proses pembelajaran bahasa juga tidak terkecuali (Awang Sariyan, 2004; Yahya Othman, 2005). Namun, proses pembelajaran bahasa, khususnya Bahasa Melayu di Malaysia dijalankan secara bersepadu, iaitu mengambil kira semua pendekatan yang terdapat dalam dunia pembelajaran bahasa. Kajian ini akan cuba meninjau pandangan murid tentang proses pembelajaran Bahasa Melayu secara holistik melalui modul pengajaran Bahasa Melayu yang dibangunkan pengkaji.

Pendekatan tradisional dan struktural yang dipelopori oleh Bloomfield, Edward Sapir, dan sebagainya pada sekitar 1940-an hingga 1950-an menitikberatkan penguasaan pengetahuan atau nahu bahasa serta memberi penekanan kepada aspek latih tubi bagi mengukuhkan kemahiran bahasa (Yahya Othman, 2005). Menurut Awang Sariyan (2004), pendekatan ini berpegang kepada lima prinsip utama, iaitu (1) bahasa itu adalah pertuturan, dan bukannya tulisan, (2) bahasa merupakan suatu himpunan kebiasaan, (3) ajarkanlah bahasa, bukan tentang bahasa, (4) bahasa ialah apa-apa yang dituturkan oleh penutur jatinya, bukan apa-apa yang sepatutnya dituturkan, dan (5) bahasa berbeza-beza. Berdasarkan prinsip di atas, jelas bahawa pendekatan ini mementingkan aspek pertuturan sahaja kerana menurut mereka peniruan penting bagi membentuk kebiasaan berbahasa, khususnya melalui deria pendengaran. Selain itu, pendekatan struktural juga memberi penekanan kepada (1) pengajaran kosa kata secara terpisah daripada konteks,

dan (2) huraiyan yang panjang lebar terhadap nahu dan bentuknya sahaja (Brown, 2001).

Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan struktural masih boleh diaplikasikan dalam pengajaran bahasa, khususnya bagi menjelaskan masalah nahu atau rumus tatabahasa dan mengatasi masalah sebutan dalam kalangan murid. Akan tetapi, pendekatan ini tidak berupaya melahirkan insan yang menyeluruh dan juga tidak memenuhi keperluan afektif dan kognitif murid sebagaimana tuntutan falsafah dan matlamat pendidikan bahasa.

Dalam tahun 1960-an, pendekatan kod-kognitif yang diasaskan daripada teori pemerolehan bahasa generatif transformasi Chomsky pula muncul dengan andaian yang bertentangan dengan pendekatan struktural (Brown, 2000). Pendekatan ini percaya dengan anggapan bahawa setiap manusia yang normal memiliki alat pemerolehan bahasa (APB) yang ternurani, yang membolehkan manusia memperoleh bahasa secara semula jadi dan bukannya melalui peniruan (Brown, 2000; Awang Sariyan, 2004). Pendekatan ini juga memberi penekanan kepada penguasaan rumus bahasa atau keupayaan linguistik. Oleh sebab itu, pendekatan ini menganjurkan pengajaran bahasa secara formal dan deduktif (Awang Sariyan, 2005).

Teori pemerolehan bahasa fungsional yang memberi penekanan kepada aspek fungsi bahasa pula melahirkan pendekatan komunikatif (Awang Sariyan, 2004). Brown (2000) menjelaskan bahawa pendekatan ini memberi penekanan kepada aspek makna dalam konteks fungsi bahasa yang melibatkan interaksi sosial antara penuturnya. Dell Hymes (disebut dalam Awang Sariyan, 2004) dan Richards (2001) menjelaskan bahawa pengajaran bahasa hendaklah memberi penekanan kepada keupayaan komunikatif. Dalam hal ini, bagi mengajar bahasa, fungsi bahasa dalam konteks dan situasi penggunaan

yang sebenar hendaklah diberi keutamaan (Halliday, 1973; Littlewood, 1992).

Bagi menjadikan amalan pengajaran bahasa lebih bermakna, Brown (2001) mencirikan pengajaran bahasa kepada enam ciri utama, iaitu (1) matlamat utama pengajaran bahasa adalah penguasaan semua kecekapan komunikasi, (2) teknik pengajaran bahasa direka bentuk bagi membolehkan murid belajar bahasa secara autentik dan menggunakan berdasarkan fungsi yang bermakna, (3) kelancaran dan ketepatan berbahasa saling melengkap, namun kelancaran lebih dipentingkan daripada ketetapan berbahasa, (4) tugas yang diberikan kepada murid hendaklah memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa secara produktif dan bebas, (5) murid diberi kebebasan untuk belajar bahasa mengikut gaya dan kemampuannya sendiri, dan (6) guru berperanan sebagai fasilitator sahaja.

Berdasarkan penekanan yang diberikan dalam pendekatan komunikatif, jelas bahawa pendekatan ini hanya memberi penekanan kepada keupayaan komunikatif dan tidak mengambil kira keupayaan linguistik dan mengabaikan tatabahasa (Awang Sariyan, 2004; Brown, 2001).

Selain pendekatan di atas, pendekatan pengajaran bahasa juga diadaptasi daripada andaian yang dilahirkan oleh golongan konstruktivis. Brown (2000) menjelaskan bahawa pendekatan pengajaran bahasa juga dipengaruhi oleh teori perkembangan kognitif yang dipelopori oleh Jean Piaget dan teori hubungan interaksi dan perkembangan bahasa (Lev Vygotsky). Berdasarkan teori perkembangan kognitif, pengajaran bahasa hendaklah mengambil kira perkembangan kognitif murid kerana proses mentafsir makna, peristiwa dan tindakan dalam kalangan murid melibatkan tahap yang berlainan. Sementara itu, teori perkembangan bahasa Lev Vygotsky atau teori sosiokonstruktivisme berandaian bahawa

proses belajar lebih bermakna dan berkesan jika wujudnya hubungan sosial antara kanak-kanak dengan persekitarannya (Juriah Long, 1998; Brown, 2000; Yahya Othman, Roselan Baki & Naffi Mat, 2009).

Gallaghan (1999, dipetik dalam Awang Salleh, Awang Wahap, & Zamri Mahamod, 2006) menyatakan bahawa pendekatan ini berpegang kepada empat prinsip utama, iaitu (1) kanak-kanak membina pengetahuan dari konteks sosial ke konteks individu, (2) perkembangan tidak dapat dipisahkan daripada konteks sosial, (3) Zon Perkembangan Terhampir (*Zon of Proximal Development*), dan (4) bahasa memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak. Kajian Juriah Long (1998) menunjukkan bahawa kanak-kanak menguasai bahasa apabila berlakunya interaksi dengan ibu bapa dan penjaganya.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa setiap aliran atau pendekatan pengajaran bahasa memberi penekanan yang berlainan. Pendekatan struktural memberi penekanan kepada kemahiran lisan dan struktur bahasa, pendekatan kod-kognitif pula memberi penekanan kepada pengetahuan tentang rumus bahasa dan penguasaan keupayaan linguistik. Fokus yang diberikan oleh pendekatan kod-kognitif terhadap pengajaran bahasa disanggah oleh pendekatan komunikatif yang memberi penekanan kepada penguasaan keupayaan komunikatif semata-mata. Sementara itu, pendekatan pengajaran bahasa yang dilahirkan daripada teori perkembangan bahasa melihat bahawa pengajaran bahasa hendaklah mengambil kira perkembangan umur kanak-kanak dan interaksinya dengan alam persekitarannya. Bertitik tolak daripada kekurangan dan kelompongan tersebut, pendekatan bersepdu lahir dengan harapan proses pembelajaran bahasa dapat berlaku secara seimbang dan harmoni.

Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui *Sukatan*

Pelajaran Bahasa Melayu (2002) mengutarakan konsep penggabungjalinan dan penyerapan sebagai amalan yang harus dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Amalan ini dinamakan pendekatan bersepadu. Zaharah Aziz (2004) dan Juriah Long dan Siti Fatimah Mohd Yassin (2006) menjelaskan bahawa konsep penggabungjalinan yang dinyatakan dalam *Sukatan Pelajaran BM* melibatkan proses yang berikut, iaitu (1) penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain, (2) penggabungjalinan aspek penggunaan bahasa dengan aspek penggunaan bahasa yang lain, (3) penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan sistem bahasa, dan (4) penggabungjalinan kemahiran bahasa dengan peribahasa. Konsep penyerapan pula merupakan proses menyerapkan unsur-unsur lain ke dalam pengajaran Bahasa Melayu. Unsur-unsur tersebut ialah (1) ilmu pengetahuan, (2) nilai murni, (3) kewarganegaraan, (4) semangat patriotisme, dan (5) peraturan sosiobudaya, dan (6) kemahiran bernalih tambah.

Pendekatan bersepadu juga merupakan pendekatan yang memberi peluang kepada murid untuk belajar bahasa secara terpadu antara pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa (Widdowson, 1978). Amalan ini penting kerana menurut Widdowson (1978), kesepaduan ini dapat membantu proses komunikasi dalam kalangan murid. Amalan ini amat bertentangan dengan pendekatan struktural atau tradisional yang menjadikan prinsip fragmantasi sebagai amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa (Juriah Long & Siti Fatimah Mohd Yassin, 2006).

Secara jelasnya, pendekatan bersepadu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ini menyarankan agar proses belajar Bahasa Melayu dijalankan prinsip yang berikut, iaitu:

- (1) proses pembelajaran bahasa hendaklah memberi penekanan kepada proses ‘pembelajaran berpusatkan murid’ bagi

- memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi dan menguasai kemahiran bahasa sejajar dengan kemampuan mereka sendiri;
- (2) proses pembelajaran bahasa dilaksanakan dengan mengaplikasikan pendekatan masteri bagi memastikan murid menguasai isi pelajaran dan kemahiran bahasa mengikut tahap kebolehan murid itu sendiri;
- (3) proses pembelajaran bahasa dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan, kaedah, dan teknik yang sesuai;
- (4) proses pembelajaran bahasa melibatkan penggunaan pelbagai sumber dan bahan pengajaran dan pembelajaran;
- (5) proses pembelajaran bahasa melibatkan penggunaan tatabahasa yang tepat dalam setiap aspek pengajaran bahasa;
- (6) proses pembelajaran bahasa dilaksanakan melalui pendekatan bertema, yang meliputi semua bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan serta isu semasa supaya hasil pembelajaran, kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata bersepadu sifatnya;
- (7) proses pembelajaran bahasa melibatkan pengadaptasian bahan ilmiah dan sastera sebagai bacaan luas untuk meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca;
- (8) proses pembelajaran bahasa melibatkan penggabungjalinan antara satu kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain, kemahiran bahasa dengan sistem bahasa, dan kemahiran dengan peribahasa;
- (9) proses pembelajaran bahasa melibatkan penyerapan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya dan kemahiran bernalih tambah;
- (10) proses pembelajaran bahasa mengambil kira pelaksanaan konsep pemulihan dalam setiap sesi pengajaran untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai mengikut kadar kemampuan mereka;
- (11) proses pembelajaran bahasa memberi penekanan kepada pelaksanaan proses penilaian formatif dan sumatif secara berterusan;

(12) proses pembelajaran bahasa melibatkan aktiviti pengayaan dan pemulihan bagi membolehkan murid yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal daripada jangka masa yang ditetapkan melalui aktiviti atau tugas yang lebih mencabar.

(*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Semakan*, 2002)

Walaupun pendekatan yang dicadang oleh *Sukatan Pelajaran BM* agak jelas, tetapi cadangan ini masih dalam bentuk cadangan kurikulum, dan bukannya dalam bentuk amali atau pendekatan yang diuji keberkesanannya. Oleh itu, beberapa konsep pendekatan bersepadu yang diketengahkan oleh tokoh pendidikan bahasa perlu dilihat dan diteliti.

Salah satu pendekatan pengajaran bahasa yang bercirikan pendekatan bersepadu ialah pendekatan pengajaran bahasa menyeluruh (*whole language approach*). Pendekatan ini diadaptasi daripada pendekatan yang diperkenalkan oleh Rigg (1991) dan Rigg dan Kazemek (1993). Pendekatan ini merupakan pendekatan alternatif kepada pendekatan lain. Menurut Brown (2001), pendekatan ini mengutamakan “pengajaran kemahiran bahasa secara integrasi dan natural serta menekankan pembelajaran kooperatif, berpusatkan murid, penggunaan bahasa yang autentik, mementingkan makna, penilaian yang holistik dan integrasi empat kemahiran bahasa secara semula jadi (*four skills*)”.

Integrasi antara kemahiran bahasa yang utama ini pula dilakukan secara semula jadi (natural) (Edelsky, 1993; Richards, 2001). Walau pun pendekatan ini dapat meningkatkan proses pembelajaran, tetapi mengabaikan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid (Hakuta & McLaughlin, 1996; Shang, 2000). Hal ini menyebabkan pendekatan ini tidak boleh dilaksanakan secara total dalam konteks negara Malaysia kerana matlamat pendidikan Bahasa Melayu bukan sahaja melahirkan

murid yang boleh berkomunikasi dengan baik, tetapi juga boleh menggunakan bahasa dalam konteks budaya yang tepat dan menyanjung tinggi aspek ketepatan berbahasa.

Awang Sariyan (1998, 2003; 200; 2009) turut menjelaskan konsep pendekatan bersepadu dalam pengajaran bahasa yang melibatkan penyepaduan antara kecekapan linguistik dan kecekapan komunikatif. Menurut beliau (2009), pendekatan bersepadu yang bersandarkan pendekatan pengajaran bahasa secara menyeluruh (*whole language*) hendaklah memberi penekanan kepada proses melengkapkan diri murid dengan pengetahuan bahasa (*equipping*) bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemahiran bahasa untuk keperluan hidup (*enabling*). Untuk merealisasikan pendekatan ini, Awang Sariyan (2005) mencadangkan bahawa pendekatan eklektik yang menggabungkan (1) pelbagai kaedah dan teknik, (2) sistem bahasa dan kemahiran bahasa, dan (3) isi dengan konteks bahasa.

Pendekatan bersepadu yang diketengahkan oleh Mahzan Arshad (2003) lebih praktikal sifatnya. Beliau mencadangkan bahawa pendekatan bersepadu Bahasa Melayu hendaklah melibatkan (1) integrasi antara kemahiran bahasa, (2) integrasi bahan bacaan dan perbincangan yang autentik (bahan bercetak yang sebenar), (3) penulisan yang berbagai-bagai wacana atau perspektif berdasarkan topik yang sama, dan (4) integrasi kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran bahasa. Mahzan Arshad (2003, 2008) mencadangkan bahawa penyepaduan keempat-empat kemahiran bahasa dan kemahiran berfikir hendaklah dilakukan serentak dan tidak terpisah-pisah sebagaimana cadangan yang dianjurkan oleh pendekatan bersepadu. Menurut Siti Zabidah Mohamed (2006), penyepaduan kemahiran berfikir penting kerana dapat meningkatkan tahap penulisan karangan murid, berbanding dengan pendekatan tradisional.

Berdasarkan konsep pendekatan bersepadu yang diketengahkan oleh Rigg (1991) dan Rigg dan Kazemek (1993), Awang Sariyan (1998, 2003, 2004, 2005, 2009), Mahzan Arshad (2003, 2008), dan Zaharah Aziz (2004), jelas bahawa ada usaha untuk merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam konteks pengajaran di bilik darjah khususnya bagi memenuhi keperluan intelek. Namun, pendekatan yang lebih fleksibel perlu dicari bagi memenuhi keperluan emosi dan rohani murid.

Ini bermakna, guru Bahasa Melayu diberi kebebasan penuh untuk memilih dan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk mengajar Bahasa Melayu di bilik darjah, asalkan pendekatan tersebut memenuhi keperluan objektif dan matlamat pendidikan Bahasa Melayu. Bertitik tolak daripada situasi ini, para guru mencuba pelbagai pendekatan pengajaran bahasa dalam usaha membantu murid menguasai pengetahuan dan kemahiran bahasa.

Kesimpulannya, sistem pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia, melalui *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* mencadangkan penggunaan pelbagai strategi dalam mengajarkan bahasa bagi memastikan pengajaran dan suasana pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah menjadi lebih berkesan dan menarik.

Pendekatan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu bersandarkan kepada empat teori utama, iaitu teori pengajaran bahasa secara menyeluruh atau '*whole language*', gagasan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu, pendekatan integrasi, dan prinsip pendidikan holistik. Konsep pendekatan pengajaran bahasa secara menyeluruh dan gagasan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu menjadi panduan kepada pemilihan strategi pengajaran yang akan dijalankan, manakala prinsip pendidikan holistik pula menjadi panduan kepada elemen yang akan diterapkan dalam modul

ini. Pemupukan prinsip holistik ini dilakukan melalui bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, prinsip pendekatan integrasi menjadi panduan kepada cara kandungan ini disusun. Pendekatan bertema dan merentas kurikulum pula dijadikan panduan bagi menyusun kurikulum atau kandungan modul ini.

Daripada keempat-empat teori utama di atas, disimpulkan bahawa pendekatan ini berpegang kepada lima prinsip utama, iaitu (1) realistik, (2) strategi yang holistik, (3) integrasi, (4) keseimbangan, dan (5) insan yang syumul. Realistik bermaksud pengajaran bahasa hendaklah dilakukan secara '*real*' dan '*dekat*' dengan diri murid. Prinsip ini juga memberi penekanan terhadap pelaksanaan pengajaran bahasa dalam konteks yang sebenar di bilik darjah. Selaras dengan prinsip ini, pendekatan ini menekankan bahawa setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah berdasarkan konteks yang bersifat semula jadi (Goodman, 2005).

Prinsip kedua pula ialah keseimbangan pelaksanaan yang bermaksud bahawa proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah mengambil kira keseimbangan antara (1) teori dan amalan, (2) aktiviti individu dan berkumpulan, (3) fakta dan imiginasi, (4) proses dan hasilan, dan (5) intuitif (naluri) dan rasional (Miller, 2007). Ini bermakna, proses pengajaran bahasa hendaklah mengambil kira penyepaduan antara semua aspek yang dinyatakan di atas.

Dalam kajian ini, integrasi pula bermaksud (1) integrasi kandungan bahasa atau kemahiran bahasa, dan (2) integrasi antara pelajaran atau bidang. Dalam pendekatan ini, prinsip integrasi kemahiran bahasa bermaksud semua proses pengajaran bahasa melibatkan integrasi empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara konteks dan natural atau semula jadi. Pendekatan ini memberi penekanan terhadap konsep penyepaduan

antara keempat-empat kemahiran bahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan menolak konsep fragmentasi dalam setiap aspek pengajaran bahasa (Rigg, 1991). Prinsip ini memberi penekanan kepada proses melengkapkan diri murid dengan pengetahuan bahasa (*equipping*) bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemahiran bahasa untuk untuk keperluan hidup (*enabling*) (Awang Sariyan, (1998; 2003; 2004; 2009).

Pendekatan bersepadu juga mengambil kira perkembanga potensi murid secara menyeluruh (*human wholeness*) bagi membentuk insan yang syumul. Menurut ahli pendidikan holistik barat seperti Miller (1988, 2007; 2010), Gang (1993), Forbes (2003), Rudge (2008), dan tokoh pendidikan setempat seperti Syed Ali Ashraf (1994), Hasan Langgulung (2002), dan Tajul Ariffin Noordin (2000; 2005), proses pendidikan bukan sahaja mementingkan penguasaan kognitif atau pengetahuan semata-mata, tetapi turut menanam sifat humanistik dan kerohanian dalam kalangan murid.

Berdasarkan prinsip realistik yang digagaskan oleh Goodman (2005), Gagasan Pendekatan Bersepadu Bahasa Melayu oleh Awang Sariyan (2003, 2005, 2009), pendekatan Pengajaran Bahasa secara Menyeluruh (*Whole Language Approach*) (Rigg, 1991; Goodman, 2005), Pendekatan Integrasi (Drake, 2007; Fogarty, 1991), dan Pendidikan Holistik (Miller, 2007; Miller, 1991; Tajul Ariffin Noordin, 2000, 2005; Hasan langgulung, 1997, 2002), lapan strategi pengajaran bahasa secara holistik diketengahkan. Strategi tersebut ialah:

- (1) Pengajaran Bahasa Melayu secara kontekstual dan natural.
- (2) Pengajaran Bahasa Melayu secara bertema.
- (3) Pengajaran Bahasa Melayu secara seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa dan antara hasilan dan proses.
- (4) Pengajaran Bahasa Melayu yang memupuk semua potensi diri.
- (5) Pengajaran Bahasa Melayu yang menyediakan jalinan hubungan antara (a) murid dengan diri sendiri, (b) murid

dengan rakan sebayanya, dan (c) murid dengan persekitarannya.

- (6) Pengajaran Bahasa Melayu secara transformatif dan berpusatkan murid.
- (7) Penggunaan bahan pembelajaran yang autentik, dan
- (8) Penilaian autentik.

Falsafah Pendidikan Bahasa menuntut agar proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah di Malaysia dilaksanakan bersepadu bagi mencapai bukan sahaja kemahiran dan pengetahuan bahasa, namun turut memupuk potensi diri murid secara seimbang dan harmoni. Namun, kajian lalu mendapat perkara ini selalu dikesampingkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih tertumpu kepada usaha mencapai pencapaian yang baik dalam aspek pengetahuan bahasa semata-mata. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa juga terlalu memberi fokus kepada aspek kognitif dan mengabaikan aspek emosi dan rohani murid. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pengkaji membangunkan sebuah modul pengajaran bahasa yang diharap dapat mengembangkan potensi diri murid secara menyeluruh dan seimbang, di samping mencapai objektif falsafah bahasa kebangsaan Malaysia ini. Kajian ini dijalankan bagi menjawab soalan kajian: (1) apakah pandangan murid terhadap kemampuan pendekatan pembelajaran bahasa secara holistik meningkatkan kemahiran berbahasa?; (2) apakah pandangan murid terhadap kemampuan pendekatan pembelajaran bahasa secara holistik memupuk emosi dan rohani?; (3) apakah pandangan murid terhadap kemampuan pendekatan pembelajaran bahasa secara holistik meningkatkan motivasi murid?

METODE

Reka bentuk kajian merupakan kajian pembangunan yang dijalankan berdasarkan model pembangunan modul Richey dan Klien (2007) dan Morrison, Ross, dan Kemp (2007). Proses pembangunan modul ini melibatkan tiga fasa, iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembinaan, dan pelaksanaan dan penilaian. Proses pembinaan modul pula melibatkan sembilan langkah. Modul ini merupakan preskripsi lengkap tentang perkara yang dilakukan oleh murid dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan juga tugas yang perlu dilaksanakan murid semasa menggunakan modul ini.

Tiga instrumen digunakan dalam kajian ini. Pertama, soal selidik, kedua temu bual separa struktur dan bukti dokumen. Soal selidik ditadbirkan kepada murid bagi mendapatkan data tentang kemampuan modul meningkatkan kemahiran berbahasa dan motivasi murid. Protokol temu bual digunakan bagi mendapatkan data daripada murid tentang kemampuan modul yang dibangunkan meningkatkan kemahiran berbahasa dan motivasi murid serta memupuk potensi diri murid, khususnya dari aspek emosi dan rohani. Bukti dokumen juga digunakan bagi menyokong dapatan kajian. Teknik pengutipan data ini digunakan kerana teknik ini boleh memberikan “maklumat yang ‘segar’ (*fresh*) daripada peserta kajian tentang kebolehgunaan modul yang dibangunkan di bilik darjah” (Merriam, 2001, hlm. 75).

Kajian ini melibatkan tiga guru Bahasa Melayu dan tiga kumpulan murid Tingkatan Empat. Setiap seorang guru mengajarkan tiga modul. Begitu juga dengan kumpulan murid Tingkatan Empat ini, mereka terpaksa melalui tiga modul bagi setiap kumpulan. Responden guru terdiri daripada tiga guru yang berpengalaman. Ketiga-tiga mereka sudah mengajarkan Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah lebih daripada lapan tahun. Responden murid pula terdiri

daripada murid kelas sederhana dan taburannya mewakili masyarakat Malaysia, iaitu terdiri daripada pelbagai kaum dan jantina. Responden guru dipilih berdasarkan pengalaman mereka, kesediaan mereka menjadi pengajar bagi modul ini, dan kebenaran Pengetua sekolah masing. Hal ini penting kerana menurut Marshall dan Rossman (1989) kerja sama semua pihak sangat penting kerana dapat membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang banyak. Kerja sama yang jitu daripada guru dan pihak sekolah diperlukan kerana aspek ini membolehkan wujudnya hubungan dan kepercayaan antara penyelidik dengan peserta kajian serta bagi memungkinkan pengkaji memperoleh data yang berkualiti dan berkredibiliti (Patton, 1990; Merriam, 1988).

Dalam kajian ini, modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadan merangkumi sembilan set unit pelajaran Bahasa Melayu tahap Tingkatan Empat (SMA). Modul ini dibangunkan berlandaskan pendekatan holistik, dan dijalankan berdasarkan lapan strategi pengajaran bahasa Melayu, seperti yang dinyatakan di atas. Proses pemilihan kandungan modul pengajaran ini melibatkan lima proses utama, iaitu (1) menentukan tema dan subtema pelajaran yang akan digunakan, (2) memilih objektif pelajaran, (3) menentukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan, (4) pengisian pelajaran (sistem bahasa dan pengisian kurikulum) yang akan digabung jalin dan diserap, dan (5) menentukan kaedah, bahan pembelajaran dan bentuk penilaian yang akan digunakan dalam modul yang dibangunkan.

Dari aspek pengisian kandungan, aspek penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran bahasa, sistem bahasa, komponen sastera (KOMSAS), dan pengisian kurikulum disusun secara seimbang bagi setiap modul. Dalam kajian ini, aspek penggunaan bahasa melibatkan kemahiran interpersonal, maklumat dan estetik.

Dari aspek strategi pengajaran pula, lapan (8) strategi pengajaran bahasa secara bersepada diaplikasikan. Strategi pengajaran yang diterapkan dalam modul ini ialah (1) pengajaran Bahasa Melayu secara kontekstual dan natural, (2) pengajaran Bahasa Melayu secara bertema, (3) pengajaran Bahasa Melayu secara seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan bahasa, dan antara hasilan dan proses pembelajaran, (4) pengajaran Bahasa Melayu yang memupuk semua potensi diri dan budaya Masyarakat Melayu/Malaysia, (5) pengajaran Bahasa Melayu yang menyediakan jalinan hubungan antara (i) murid dengan diri sendiri, (ii) murid dengan rakan sebayanya, dan (iii) murid dengan persekitarannya, (6) pengajaran Bahasa Melayu secara transformatif dan berpusatkan murid, (7) penggunaan bahan pembelajaran yang autentik, dan (8) penilaian autentik dan berterusan.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Bahagian ini akan membincangkan pandangan murid terhadap proses belajar

Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan holistik yang diterapkan dalam modul pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang dibangunkan. Perbincangan ini melibatkan tiga aspek, iaitu kemampuan pendekatan pembelajaran bahasa secara holistik meningkatkan kemahiran berbahasa, memupuk emosi dan rohani, dan meningkatkan motivasi murid. Kesimpulannya, dapatan kajian ini akan cuba menjawab soalan kajian yang berikut:

Soalan Kajian 1: Apakah pandangan murid terhadap kemampuan pendekatan pembelajaran bahasa secara holistik meningkatkan kemahiran berbahasa?

Jadual 1 menunjukkan pandangan murid terhadap kemampuan modul yang dibangunkan berdasarkan pendekatan holistik dalam meningkatkan kemahiran berbahasa. Dapatkan soal selidik mendapat 84.8% murid menyatakan bahawa modul ini dapat meningkatkan kemahiran berbahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Jadual 1
Kemampuan Pendekatan Pembelajaran Bahasa secara Holistik Meningkatkan Kemahiran Berbahasa

Aspek dinilai	Respon Murid					
	Ya Kekerapan (f) (N=125)	Peratus (%)	Tidak f	%	Tidak Pasti f	%
1. Adakah kemahiran berbahasa (seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis) dapat ditingkatkan?	106	84.8	17	13.6	2	1.6
2. Adakah pelajaran yang diajar guru dapat membantu anda menguasai kemahiran bahasa yang lain?	119	95.2	4	3.2	2	1.6
3. Adakah bahan media yang digunakan dalam modul ini jelas dan membantu pelajaran anda?	109	87.2	16	12.8	-	-

Dapatkan temu bual pula mendapat bahawa kemahiran berbahasa dalam kalangan murid dapat ditingkatkan apabila

mereka menggunakan modul ini. Yang berikut diperturunkan beberapa pandangan murid yang menyatakan pendapat mereka terhadap pelaksanaan modul ini.

“modul ini dapat membantu saya meningkatkan kemahiran berbahasa dan mempraktikkan kemahiran bertutur saya dengan betul”

(Transkripsi Temu bual Murid_Kajian Lapangan_Modul 4)

Modul ini juga dapat meningkat penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid. Menurut salah seorang murid, aktiviti pembelajaran dalam modul ini, *“Dapat tingkatkan tatabahasa kami. Kami diajar tulis ayat permintaan tentang isu sosial”*.

(Transkripsi Temu bual Murid_Kajian Lapangan_Modul 1)

Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing merupakan peribahasa yang berkaitan dengan masyarakat pada zaman ini yang kian melupakan sikap tanggung jawab kepada sesama manusia. Peribahasa di atas bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak melupakan orang yang berada dalam kesusahan. Dalam peribahasa ini juga kita dapat kaitkan dengan kehidupan pada masa kini. Misalnya, ibu mengandung dan warga emas sering tidak diberikan tempat duduk kerana sikap mementingkan diri dalam kalangan masyarakat.

(Bukti Dokumen Murid_Siti Zulaikha_Kajian Lapangan_Modul 5)

Selain itu, murid juga menyatakan bahawa mereka dapat menulis ringkasan karangan dengan cepat setelah mengikuti pembelajaran dalam modul ini. Yang

berikut adalah pandangan murid tentang proses pengajaran guru terhadap pengajaran ringkasan karangan:

- | | |
|--------------------|--|
| <i>Penyelidik:</i> | <i>Apa pandangan murid tentang pengajaran ringkasan karangan dalam Modul 2 tadi?</i> |
| <i>Murid M:</i> | <i>Faham. Senang sikit...</i> |
| <i>Penyelidik:</i> | <i>Mengapa senang faham?</i> |
| <i>Murid M:</i> | <i>Sebab cikgu guna jadual. Dari(pada) jadual baru buat ringkasan.</i> |
| <i>Penyelidik:</i> | <i>Selalunya macam mana cikgu ajar rumusan?</i> |
| <i>Murid N:</i> | <i>Baca dan cari isi pentinglah.</i> |
| <i>Penyelidik:</i> | <i>Jarang macam ini?</i> |
| <i>Murid O:</i> | <i>Jarang...</i> |

(Transkripsi Temu bual Murid_Kajian Lapangan_Modul 2)

Soalan Kajian 2: Apakah pandangan murid terhadap kemampuan pendekatan pembelajaran bahasa secara holistik memupuk emosi dan rohani?

Dari aspek keupayaan bahan menimbulkan perasaan simpati dan empati murid, rata-rata murid menyatakan bahawa modul ini

Penyelidik: Apa pandangan kamu terhadap bahan yang kita gunakan tadi?

Murid M: Gambar buang bayi tadi?.

Penyelidik: Ya..Apa pandangan kamu? Perasaan kamu?

Murid M: Saya tak boleh tengok. Sedih sangat. Sampai hati mereka cikgu... .

Penyelidik: Apa pandangan kamu orang macam tu?

Murid N: Macam binatang cikgu. Binatang pun tak mavam tu..

(Transkripsi Temu bual Murid_Kajian Lapangan_Modul 2)

Soalan Kajian 3: Apakah pandangan murid terhadap kemampuan pendekatan pembelajaran bahasa secara holistik meningkatkan motivasi murid?

Jadual 2 memaparkan kemampuan bahan pembelajaran dan aktiviti pelajaran modul yang dibangunkan ini meningkatkan motivasi murid yang menjalani aktiviti pembelajaran dalam modul yang dibangunkan. Dapatkan menunjukkan bahawa 93.6% murid menyatakan bahawa Jadual 2

Kemampuan Bahan Pembelajaran dan Aktiviti Pelajaran Meningkatkan Motivasi Murid

dapat menimbulkan perasaan simpati dan insaf mereka terhadap bahan yang diajarkan oleh guru. Teks yang digunakan bagi mengajarkan aspek kemahiran menulis yang bertajuk “Buang Bayi: Di mana Keperihatinan Kita” amat menyentuh jiwa murid. Perbualan di bawah menunjukkan situasi ini:

mereka semakin ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang tajuk yang mereka pelajari setelah mengikuti modul pengajaran ini. Mereka juga menyatakan bahawa pelajaran yang mereka ikuti sebagai menarik (90.4%). Malah mereka juga menyatakan bahawa tiada aktiviti yang membosankan (87.2%) dan tiada juga aktiviti yang mereka tidak gemari (88%).

Aspek Dinilai	Respon Murid					
	Ya		Tidak		Tidak Pasti	
	Kekerapan (f) (N=125)	Peratus (%)	f	%	f	%
1. Adakah anda mahu mengikuti pelajaran ini lagi?	112	89.6	2	1.6	11	8.8
2. Adakah pelajaran hari ini menarik? Mengapa menarik?	113	90.4	3	2.4	9	7.2
3. Adakah terdapat aktiviti yang membosankan?.	16	12.8	109	87.2	-	-
4. Asakah terdapat aktiviti yang tidak anda gemari?	15	12.0	110	88.0	-	-
5. Adakah pelajaran hari ini membuatkan anda semakin ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang tajuk yang anda pelajari?	117	93.6	7	5.6	1	0.8
6. Adakah kemahiran berbahasa (seperti kemahiran mendengar, bertutur,	106	84.8	17	13.6	2	1.6

membaca dan menulis) dapat ditingkatkan?					
7. Kalau ya, adakah anda akan gunakan kemahiran ini untuk pelajaran yang lain?	98	78.4	18	14.4	1 0.8

Dapatan ini disokong oleh kenyataan murid dalam temu bual yang dilakukan terhadap mereka. Antara pandangan mereka terhadap kemampuan modul ini meningkatkan motivasi mereka ialah:

“Saya menyukai modul ini kerana dapat menarik minat saya dan cara belajar yang mudah difahami (dan dilakukan) dalam bentuk berkumpulan tidak membosankan. Iringan muzik dan alat untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran”

(Transkripsi Temu bual Murid_Kajian Lapangan_Modul 9)

Menurut murid lagi, Modul 9 juga menarik kerana pelbagai bahan audio visual digunakan. Menurut Nur Amira, “*saya dapat belajar dengan berkesan melalui lagu, video, gambar slide yang menarik*”. Malah, beliau menambah:

“Saya berharap guru dapat mengajar melalui kaedah ini lagi”

(Transkripsi Temu bual Murid_Kajian Lapangan_Modul 9).

Dapatan kajian mendapati modul yang dibangunkan ini dapat meningkatkan kemahiran berbahasa, memupuk emosi dan rohani, dan meningkatkan motivasi murid. Dari aspek peningkatan kemahiran berbahasa, data soal selidik dan temu bual serta bukti dokumen menunjukkan bahawa kemahiran berbahasa dapat ditingkatkan. Ini menunjukkan bahawa proses pembelajaran bahasa dalam kalangan murid dapat ditingkatkan melalui modul pengajaran bahasa secara holistik. Dapatan ini sejajar dengan kajian Staufer (2008), Martin, Martin dan Carvalho (2008), dan Leavitt-Noble (2008). Kajian mereka juga mendapati pendekatan ini dapat meningkatkan penguasaan murid dalam

kemahiran berbahasa secara keseluruhannya.

Menyentuh aspek emosi dan rohani murid, modul ini juga mendapati aspek ini dapat ditingkat dan dipupuk melalui bantu mengajar (BBM) yang digunakan. Data temu bual mendapati, penggunaan bahan autentik tentang “Buang bayi” dapat menimbulkan perasaan simpati dan empati murid terhadap isu yang dibincangkan. Selain itu juga, modul pengajaran yang dibangunkan ini dapat menanam sifat kemanusiaan dalam kalangan murid. Dapatan kajian mendapati, bahan pembelajaran dan aktiviti yang digunakan dalam modul-modul ini menyentuh jiwa murid dan dapat menimbulkan perasaan empati. Dapatan ini sejajar dengan kajian Shefy dan Sadler-Smith (2006) yang mendapati pengaplikasian prinsip bersepada atau holistik dapat meningkatkan kesedaran emosi, menggalakkan perkongsian perspektif, mencambahkan sensitiviti dan sifat baik hati (*benevolance*) dan serta gemar memenuhi permintaan orang lain (*fulfilment*). Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Patel (2003).

Dari aspek kemampuan modul pengajaran secara holistik meningkatkan motivasi murid pula, kajian mendapati aktiviti dan bantu mengajar yang digunakan dapat meningkatkan minat dan motivasi murid. Dapatan soal selidik, temu bual dan bukti dokumen membuktikan bahawa modul yang dibangunkan ini dapat mewujudkan suasana yang kondusif dalam pengajaran bahasa, khususnya Bahasa Melayu.

SIMPULAN

Secara keseluruhannya, proses pembelajaran bahasa Melayu di bilik darjah peringkat sekolah menengah dapat ditingkatkan, khususnya dari aspek kemahiran berbahasa, emosi dan rohani serta motivasi murid. Dapatkan kajian juga mendapati strategi pengajaran bahasa Melayu secara holistik yang diterapkan dalam modul pengajaran ini boleh dilaksanakan dan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan berdasarkan pendekatan holistik ini bukan sahaja membantu iklim pengajaran bahasa secara holistik dan natural, tetapi juga berupaya memupuk potensi diri murid secara seimbang dan menyeluruh. Kajian ini juga membuktikan bahawa model pengajaran Morrison dan rakan-rakan (2007) ini boleh diaplikasikan dalam proses membangunkan aktiviti dan bahan pengajaran Bahasa Melayu.

UCAPAN TERIMA KASIH

Saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada murid-murid Sekolah Menengah Atas (SMA) yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Data yang mereka berikan secara ikhlas dapat saya gunakan sebagai data dalam kajian ini. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada guru-guru Bahasa Melayu dan Pengetua Sekolah (Ketua Sekolah) yang memberikan kerja sama kepada saya semasa penyelidikan ini dijalankan. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak kerana memberi keizinan kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

PUSTAKA RUJUKAN

- Awang, S, Awang,W, & Zamri,M.2006. Tahap pengetahuan guru prasekolah tentang Teori Vygotsky dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu Ke-2*. USM: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, 42-48.
- Awang, S.1998. Pendekatan bersepadu dalam pendidikan Bahasa Melayu. Apa khabarnya? *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(9), 809-815.
- _____.2003. Pendekatan bersepadu pendidikan Bahasa Melayu dalam konteks pemerkasaan bahasa. *Kertas kerja Seminar Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu*. 26-27 April. Anjuran DBP.
- _____.2004. *Teras pendidikan Bahasa Melayu: Asas pegangan guru*. Bentong: PTS Publications.
- _____.2005. Merekayaskan pendidikan Bahasa Melayu dalam menghadapi tantangan zaman. *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu*. USM: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, 1-24.
- _____.2009. Beberapa pertimbangan falsafah dan praktik dalam memenuhi impian pendidikan Bahasa Melayu yang berkesan. *Kertas kerja Program Wacana Akademik*. Februari. Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Brown, H. D. 2000. *Principles language learning and teaching*. (4th ed.). New York: Longman.
- _____.2001. *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. (2nd ed.). New York: Longman.
- Drake, S. M. 2007. *Creating standards-based integrated curriculum: Aligning, curriculum, content,*

- assessment, and instruction.* (2nd ed.). Thousand Oaks, California: Corwin Press, Inc.
- Edelsky, C.1993. Whole language perspective. *TESOL Quarterly* 27, 548-550.
- Fogarty, R..1991. *The mindful school: How to integrate the curricula.* Illinois: Skylight.
- Forbes, S. H. 2003. *Holistic education: An analysis of its ideas and nature.* Brandon, VT: Foundation for Educational Renewal.
- Gang, P. 1993. Holistic education. Dalam Flake., C. L. (Eds.), *Holistic Education: Principles, Perspectives, and Practices* (hlm. 86-91). Brandon VT: Holistic education Press.
- Goodman, K. S.2005. *What's whole inwhole language.* Berkeley: RDR Books.
- Hakuta, K., dan McLaughlin, B.1996. Bilingualism and second language learning: Seven tensions that define the research. Dalam Berliner, D. C., dan Calfee, R. C. *Handbook of educational psychology*, 603-621.
- Halliday, M. A. K. 1973. *Explorations in the functions of language.* London: Edward Arnold.
- Hasan, L.1997. *Asas-asas pendidikan Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, L. 2002. *Peralihan paradigma dalam pendidikan Islam dan sains sosial.* Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Juriah, L.1998. Pengajaran Bahasa Melayu secara interaktif. Dalam Juriah Long (Eds.). *Inovasi dalam perkaedahan pengajaran bahasa, sains sosial, dan teknologi maklumat* (hlm. 15-36). Bangi: Penerbit UKM,
- Juriah, L dan Siti F.M.Y.2006. Strategi penggabungjalinan dan penyerapan dalam pengajaran Bahasa Melayu yang bersepadu dan interaktif. *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu Ke-2.* USM: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, 63-75.
- Leavitt-Noble, K. A. 2008. *Improving the writing skills of sixth grade English language learners with and without learning disabilities. An integrated model approach.* (Tesis doktor Falsafah). Diperoleh daripada pangkalan data Tesis dan Disertasi ProQuest. (UMI No. 3307642).
- Littlewood, W. 1992. *Pengajaran bahasa secara komunikatif* (Terj. Juriah Long). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahzan, A.2003. *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- _____.2008. *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Marshall, C., dan Rossman, G. B. 1989. *Designing qualitative research.* Newbury Park: Sage Publications.
- Martin, D., Martin, M., & Carvalho, K. 2008. Reading and learning-disabled children: Understanding the problem *Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*, 81(3), 13-117.
- Merriam, S. B.1988. *Case study research in education: A qualitative approach.* San Francisco: Josey-Bass Publishers.
- _____.2001. *Qualitative research and case study application in education: Revised and expanded from case study research in education.* San Francisco: Josey-Bass Publishers.
- Miller, J. P.1988. *The holistic curriculum.* Toronto, Canada: OISE Press.
- _____.2007. *The holistic curriculum.* (2nd ed.). Toronto, Canada: OISE Press.
- _____.2010. *Whole child education.* Toronto: University of Toronto Press.

- Miller, R. 1991. *New direction in education* (Eds.), Brandon, VT: Holistic Education Press.
- Morrison, G. R., Ross, S. M., & Kemp, J. E. 2007. *Designing effective instruction*. (5rd ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Patel, N. V. 2003. A holistic approach to learning and teaching interaction: Factors in the development of critical learners. *The International of Educational Management*, 17(6), 272-284.
- Patton, M. Q.1990. *Qualitative evaluation methods*. (ed. 2). Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Richards, J. C.2001. *Curriculum development in language teaching*. Cambridge: Cambridge Universiti Press.
- Richey, R. C., dan Klein, J. D. 2007. *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Publisher.
- Rigg, P. 1991. Whole language in TESOL. *TESOL Quarterly* 25, 521-542.
- Rigg, P. & Kazemek, F. E. 1993. Whole language in adult literacy education. Dalam Randall, J dan Peyton, J. K. (Eds.) *Approaches to adult ESL literacy instruction*. Washington, DC: National Clearinghouse on Literacy Education.
- Rudge, L. T. 2008. *Holistic education: An analysis of its pedagogical application*. (Tesis doktor falsafah). Diperoleh daripada pangkalan data Tesis dan Disertasi ProQuest. (UMI No. 3324114).
- Shang, F. K. 2000. A comparative analysis on alternative approaches to literacy instruction. *International journal of lifelong education*, 19(4), Ogos, 2000, 291–299.
- Shefy, E., dan Sadler-Smith, E. 2006. Applying holistic principles in management development. *Journal of Management Development*, 25 (4), 368-385.
- Stauffer, M. 2008. Instruction of keyboarding skills: A whole language approach to teaching functional literacy skills to students who are have additional disabilities. *International Journal of Special Education*, 2 (1), 74-81.
- Kementerian Pendidikan Malaysia 2002. *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (Semakan)*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Syed, A.A.1994. *Horizon baru dalam pendidikan Islam*. Terj. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul, A.N.2000. Falsafah Pendidikan Negara: Penilaian semula ke arah pendidikan bersepadu di alaf baru. *Kertas kerja Konvensyen Mahasiswa Nasional: Mahasiswa dan isu pendidikan*, UKM, Bangi.
- Tajul, A.N, Nor'Aini, dan Nor Sakinah, M.2005. Merealisasi pendidikan serantau yang berkualiti: Anjakan kepada paradigma pendidikan bersepadu. *Prosiding Seminar Pendidikan UKM-UNRI 2005*. Fakulti Pendidikan, UKM, 8-17.
- Widdowson, H. G.1978. *Teaching language as communication*. Oxford: Oxford University Press.
- Yahya, O. 2005. *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Profesional.
- Yahya, O, Roselan, B, dan Naffi, M. 2009. *Pemerksaan pendidikan Bahasa Melayu dari teori ke praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Siti, Z Bt Mohamed. 2006. Kesan Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir Kreatif dalam Pengajaran Karangan Deskriptif dan Karangan Imagenatif dalam Kalangan Murid Tingkatan IV. *Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM

Zaharah, A.A 2004. Analisis sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah (semakan 2002). Dalam Dahlia Janan et al. (Eds.). *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu* (hlm. 29-47), Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.